



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 2 JULAI 2025

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PeSAWAH BANTAH SYOR PINDAAN AKTA, NEGERI, SINAR HARIAN - 19	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	PENIAGA SAYUR, BUAH TIDAK AMBIL KESEMPATAN PELUASAN SST, NEGARA, KOSMO – 12	LAIN-LAIN
3.	SAYUR IMPORT TEKAN PEKEBUN TEMPATAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA – 29	
4.	PERTAHAN TRADISI EMPING PADI, LOKAL, HARIAN METRO – 20	
5.	MUSANG KING RAUB, BENTONG MAKIN MURAH, NEGARA, KOSMO – 13	
6.	'OMBAK BESAR' FERI JEJASKAN PENTERNAKAN KUPANG, NASIONAL, SINAR HARIAN – 17	
7.	PENTERNAK GESA FERI PERLAHANKAN KELAJUAN, NASIONAL, SINAR HARIAN - 17	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2025	SINAR HARIAN	NEGERI	19

PeSAWAH bantah syor pindaan akta

Pindaan itu didakwa akan hapuskan hak tradisi pesawah untuk menjual benih padi tuaian mereka

Oleh WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR
ALOR SETAR

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH) membantah cadangan kerajaan untuk meminda Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 yang dijangka dibentangkan di Parlimen hujung Julai ini.

Pengerusinya, Abdul Rashid Yob mendakwa, pindaan tersebut yang bertujuan membolehkan Malaysia menyertai Konvensyen Antarabangsa bagi Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 1991 (UPOV 91) akan

memberi kesan buruk kepada puluhan ribu pesawah kecil di seluruh negara.

Dakwanya, pindaan itu akan menghapuskan hak tradisi pesawah untuk menyimpan, berkongsi dan menjual benih padi hasil tuaian mereka sendiri.

"Di bawah pindaan ini, hak pembiak baka korporat akan diperluas secara melampau manakala hak petani untuk bebas mengguna, berkongsi dan menjual benih daripada hasil tuaian mereka sendiri akan dihapuskan.

"Amalan menyimpan benih untuk kegunaan musim berikutnya, berkongsi dengan jiran, atau menjualnya secara kecil-kecilan yang merupakan tulang belakang kepada kelestarian ekonomi dan sosial komuniti pesawah akan dianggap sebagai satu kesalahan di bawah pindaan ini," katanya kenyataan pada Selasa.

PeSAWAH mendakwa, jika pindaan tersebut diluluskan, pesawah akan dipaksa membeli benih berdaftar daripada syarikat



Hampir 30 peratus pesawah di Kedah masih mengamalkan penyimpanan dan penggunaan semula benih padi setiap musim.
Gambar kecil: Abdul Rashid

pembiak baka setiap musim, sekali gus meningkatkan ketergantungan kepada syarikat besar dan menyebabkan harga benih melonjak naik.

"Apabila monopoli dibenarkan, syarikat bebas menetapkan

harga sesuka hati. Ini akan menambah beban kos sara hidup pesawah yang sedia terhimpit," ujar Abdul Rashid.

Menurutnya, di Kedah sahaja hampir 30 peratus pesawah masih mengamalkan penyimpan-

an dan penggunaan semula benih padi setiap musim.

"Pesawah tempatan mempunyai kepakaran memilih benih terbaik yang sesuai dengan tanah dan iklim setempat berbanding benih komersial yang mungkin tidak serasi.

"Kami bukan menolak kemajuan tetapi jangan sampai hak dan warisan petani diketepikan demi keuntungan korporat," tegasnya.

Susulan itu, Abdul Rashid berkata, PeSAWAH menggesa agar semua ahli Parlimen menolak rang undang-undang tersebut demi menjaga kelangsungan hidup pesawah dan masa depan pertanian negara.

Sabtu lalu, Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu dilaporkan berkata, cadangan pindaan Akta Perlindungan Varieti Baru Tumbuhan 2004 akan dilaksanakan bagi memastikan perlindungan yang lebih komprehensif terhadap varieti tumbuhan baharu.

Peniaga sayur, buah tidak ambil kesempatan peluasan SST

KOTA BHARU – Peniaga sayur-sayuran dan buah-buahan import di Pasar Besar Siti Khadijah, di sini tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga jualan barangan selepas kerajaan menguatkuasakan peluasan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) bermula semalam.


Seorang peniaga sayur-sayuran yang dikenali sebagai Luai, 60, berkata, tiada sebarang kenaikan harga bagi dua jenis sayur yang diimport dari Thailand iaitu lobak kerinting dan halia potong.

Katanya, harga lobak kerinting yang dibeli dengan pemborong adalah RM35 untuk 5 kilogram (kg), manakala halia potong RM60 bagi kuantiti sama.

“Saya beli dua sayur itu daripada pemborong dan harga jualannya masih sama iaitu RM14 untuk 1kg halia potong dan RM9 bagi lobak kerinting.

“Pemborong juga tidak menaikkan harga bahan mentah itu. Jadi, tiada keperluan peniaga untuk menaikkan harga barangan yang tidak dikenakan SST,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* semalam.

Seorang peniaga buah-buahan, Norhayati Aziz, 39, berkata, kebanyakan buah-buahan yang dijual di Pasar Besar Siti Khadi-



PENIAGA buah-buahan di Pasar Besar Siti Khadijah, Kota Bharu masih mengekalkan harga jualan mereka. – ROSLIZA MOHAMED

jah itu terdiri daripada barangan tempatan dan import.

Menurutnya, peniaga di pasar itu tidak akan menaikkan harga sesuka hati dan jualan barangan tersebut mengikut harga pasaran.

“Setahu saya, harga buah-

buahan yang dijual seperti tembikai, betik dan lain-lain juga masih sama.

“Peniaga juga tidak mengambil kesempatan untuk menaikkan harga kerana kami boleh dikenakan tindakan oleh pihak berkuasa,” katanya.

Sayur import tekan pekebun tempatan

Oleh SALEHUDIN MATRASAD
utusannews@mediamulla.com.my

CAMERON HIGHLANDS: Gologan penanam sayur di sini mendakwa kemasukan sayur import menyebabkan harga sayur merosot sekali gus menjejaskan pendapatan kira-kira 5,000 pekebun.


Timbalan Pengerusi Pertubuhan Pekebun-Pekebun Sayur-sayuran Cameron Highlands, Lau Weng Soow berkata, hampir semua jenis sayur utama seperti kubis, kubis bunga, brokoli, tomato, keledak dan timun kini menerima tekanan hebat akibat kemasukan dari China, Vietnam, Indonesia, New Zealand dan Thailand.

Katanya, harga lelong kubis dan sawi kini hanya sekitar 30 hingga 50 sen sekilogram manakala tomato RM1.20 sekilogram walaupun kos sebenar penanaman mencecah RM2.50 sekilogram, manakala sayur ti-

mun Jepun pula dijual serendah 50 sen sekilogram.

"Bayangkan, petani yang mengusahakan tiga ekar ladang kini kerugian sehingga RM10,000 se-

bulan. Ramai antara kami sedang mempertimbang untuk menjual ladang kerana tidak lagi mampu menanggung beban kos dan kerugian," katanya ketika dite-



PENGELUARAN sayur-sayuran di Cameron Highlands, Pahang semakin merosot akibat kemasukan produk pertanian dari luar negara.

mui *Utusan Malaysia* di sini.

Katanya, penghapusan subsidi diesel berkesan menambah tekanan kerana pekebun terpaksa menanggung kos bahan api yang tinggi bagi kenderaan pacuan empat roda dan jentera ladang.

"Lebih menyusahkan apabila kadar gaji minimum RM1,700 mula dikuatkuasakan, sedangkan majoriti kami hanya mampu membayar secara harian atau berdasarkan hasil," katanya.

Setiausaha pertubuhan sama, Chay Ee Mong menggesa pihak bertanggungjawab turun padang segera bagi melihat sendiri kesengsaraan yang ditanggung lebih 5,000 pekebun dari pelbagai kaum termasuk Melayu, Cina, India dan Orang Asli.

"Kalau tidak ada tindakan segera, industri ini akan mati. Jangan sampai kita menyusutkan pekebun luar negara sedangkan pekebun sendiri menjadi kurus kering," katanya.

Menurut data pertubuhan, kira-kira 4,000 hektar tanah di Cameron Highlands dan Lojing digunakan untuk penanaman sayur yang menjadi sumber utama bekalan domestik dan eksport.

Sementara itu, Pengerusi Pertubuhan Pengusaha Pertanian Cameron Highlands, Chin Nam Fong berkata, kerajaan perlu memperkenalkan semula subsidi input pertanian seperti baja dan racun serangga, yang harganya kini meningkat mendadak menjelang pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) bermula bulan ini.

Katanya, tanpa intervensi kerajaan, negara terus bergantung kepada sayuran import yang belum tentu terjamin dari segi kualiti dan keselamatan.

"Jangan jadikan alasan kekurangan sayur tempatan sebagai lesen untuk membanjiri pasaran dengan hasil luar. Itu bukan penyelesaian jangka panjang," tambahnya.

2/7/2025

HARIAN
METRO

LOKAL

20

Pertahan tradisi emping padi

Acara tahunan proses pembuatan juadah ringan di Kampung Gintong jadi tarikan pengunjung

Oleh Amir Hamzah
Nordin
am@hmetro.com.my

Jerantut

Kampung Gintong masih mengekalkan tradisi mengemping padi iaitu proses menghasilkan juadah ringan masyarakat setempat yang lazim dilakukan selepas musim menuai.

Walaupun emping kini tidak lagi popular seperti dulu namun proses pembuatannya bukan sekadar menumbuk padi menjadi makanan ringan, ia mencerminkan kehidupan komuniti petani Melayu yang erat, harmoni dan kaya dengan nilai gotong-royong.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK), Shahrlul Nizam Harun, 46, berkata, aktiviti mengemping biasanya dilakukan selepas musim menuai memandangkan kampung itu mempunyai kawasan sawah seluas kira-kira 200



PENGUNJUNG ke Kampung Gintong mencuba sendiri proses membuat emping.

hektar yang menjadi sumber rezeki utama penduduk.

"Emping dianggap makanan istimewa yang ha-

nya tersedia selepas musim menuai dan dihasilkan daripada padi segar yang ditumbuk halus dan biasanya dinikmati ketika minum

petang atau dihidangkan kepada tetamu.

"Aktiviti mengemping kini turut dijadikan acara tahunan untuk menarik

pengunjung dari dalam dan luar daerah yang ingin melihat sendiri proses pembuatan emping, selain memperkenalkan tradisi

ini kepada generasi muda," katanya.

Penduduk Kampung Gintong, Noraziah Kassim, 65, berkata, penduduk masih aktif menghasilkan emping, walaupun prosesnya mudah namun ia semakin kurang diminati oleh generasi muda.

Katanya, lesung indik atau lesung kaki digunakan, iaitu jenis lesung yang dipijak serentak oleh beberapa orang lelaki untuk meleper atau menipiskan padi menjadi emping.

"Di sini kita gunakan bilah buluh yang kecil dan hujung buluh itu dicucuk atau diikat dengan menggunakan kulit kelapa yang dibentuk seperti sudi untuk mengoreng padi.

"Selain itu, semasa lesung indik itu dipijak mengikut rentak yang stabil, saya menggunakan buluh yang dibelah dijadikan sudip dipanggil pencuas. Tugasan sudip adalah mengikut rentak yang mahir mengikut rentak agar pencuas tidak berlaga dengan alu," katanya.

Musang king Raub, Bentong makin murah

- Dijual serendah RM20 sekilogram
- Durian kampung premium Damak turut curi tumpuan

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

BENTONG — Akibat lambakan hasil durian musang king di seluruh negara ketika ini, harga raja buah premium tersebut di Pahang terutama di Bentong dan Raub dijual serendah RM20 bagi sekilogram.

Akibat pengeluaran banyak negeri termasuk Pahang, Pulau Pinang, Johor dan Perak pada masa ini harga raja buah itu juga semakin menurun termasuk musang king di dua daerah itu.

Peniaga durian Mohamad Nafri Masrom, 38, berkata, dia telah mula berniaga durian di sini sejak seminggu lalu dan buah durian termasuk musang king semakin banyak yang luruh.

Beliau berkata, hari ini musang king yang menjadi buruan pengemmar raja buat tersebut dijual lebih murah iaitu kira-kira RM20 sekilogram bagi gred B dan C berbanding RM40 hingga RM50 sebelum ini.

"Alhamdulillah hari ini buah banyak lagi dan harga lebih murah mungkin kerana satu Malaysia musim durian serentak menyebabkan buah banyak.

"Sambutan pelanggan juga amat menggalakkan apabila saya dapat menjual kira-kira satu tan durian setiap hari," katanya di sini semalam.

Menurutnya, dengan harga RM20 sekilogram bagi musang king ia adalah amat berbaloi kepada pengemmar durian yang datang ke gerainya.

Katanya, harga jualan runcit durian juga akan lebih murah sekiranya durian semakin banyak sehingga harga borong dari ladang jatuh.

Ditanya sama ada peniaga durian turut terbeban akibat cukai jualan Nafri berkata, pada masa



MOHAMAD NAFRI menunjukkan harga promosi musang king di gerainya di Bentong semalam.

ini peniaga durian seperti yang menjual di tepi jalan dan bermusim tidak terlibat dengan cukai berkenaan.

Sementara itu, peniaga durian dari Jerantut, Ahmad Mustapha, 47, berkata, durian kampung premium di Damak telah mula luruh dan semakin banyak dari semasa

ke semasa. Katanya, orang ramai termasuk dari negeri luar juga semakin ramai yang datang ke daerah itu untuk mendapatkan durian kampung yang setanding dengan durian klon.

Beliau memberitahu, ketika ini durian kampung di sekitar Da-

mak dijual dengan harga RM12 sekilogram dan menjadi rebutan pengemmar raja buah itu.

"Pada masa ini Damak king masih belum luruh lagi, namun buah durian kampung premium lain telah banyak yang luruh dan dijual di sekitar daerah ini," tambahnya.

TARIKH

2/7/2025

MEDIA

HARIAN
METRO

RUANGAN

LOKAL

MUKA
SURAT

20

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	17

'Ombak besar' feri jejaskan penternakan kupang

Di sebalik kehidupan harian yang tenang di Jeti Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang tersimpan keresahan penternak kupang terhadap permasalahan gelombang atau 'ombak besar' yang terhasil daripada feri yang melalui kawasan itu ke Terminal Feri Pasir Gudang.

Setiap kali feri melewati kawasan itu, gelombang kuat akan terhasil hingga memberikan kesan terhadap rumah rakit atau rumah bot mereka

selain ia turut mengancam hasil ternakan kupang yang diusahakan.

Situasi itu dilihat bukan sahaja memberikan tekanan kewangan kepada nelayan, malah turut mengancam kelangsungan industri penternakan kupang di kawasan tersebut sekiranya tiada langkah segera diambil bagi mengatasinya.

Ikuti laporan wartawan *Sinar Harian*, **SHAHRIZAL AHMAD ZAINI** berhubung masalah yang membebankan penternak kawasan itu.

PASIR GUDANG

PENTERNAK kupang mengeluh kerana terpaksa berdepan kos penyelenggaraan tinggi terutamanya melibatkan ternakan kupang yang diusahakan selain kerosakan rumah rakit di kawasan berkenaan hampir setiap hari.

Ibrahim @ Rahim Batala, 52, berkata, masalah itu bukan perkara baharu dan sememangnya telah kerap berlaku.

Malah katanya, masalah tersebut semakin membebankan apabila kerosakan berlaku hampir setiap hari dan bagi membaik pulihnya, ia memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi.

"Apabila gelombang feri itu datang, memang ada berlaku kerosakan. Lagi kuat gelombang lagi besarlah kerosakannya.

"Perkara inilah yang paling kami risaukan sekarang. Kerosakan bukannya berlaku cuma sekali setiap bulan tetapi setiap hari sekali gus menjejaskan ternakan kupang yang kami usahakan di sini.

"Kalau ternakan kupang terjejas, memang makan belanja jugalah untuk ternak yang baharu nanti.

"Jadi boleh kata keadaan di sini sudah



IBRAHIM



RABIAH

sampai tahap kritikal," katanya yang juga nelayan ketika ditemui di Jeti nelayan kampung berkenaan.

Rabiah Md Ali, 63, turut meluahkan rasa risau dengan kedudukan rumah rakitnya yang dibina di kawasan penternakan kupang tersebut.

"Setiap kali feri lalu, memang bergoyanglah rumah rakit ini. Kalau kuat gelombang ombaknya, lagi kuatlah bergoyang rumah rakit ni.

"Jadi bagi kami yang menjadikan ternakan kupang ini sebagai sumber rezeki, kami terpaksa memikirkan cara baharu menternak kupang untuk elak terus alami kerugian sebegini," katanya.



Ramai pengusaha di Jeti Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang berdepan kerugian apabila ternakan kupang mereka terjejas setiap kali kawasan itu dilalui oleh feri ekor ombak besar yang terhasil.

Menurut Noraida Jumain, 49, pula, gelombang yang terhasil daripada feri yang melalui kawasan tersebut boleh menyebabkan ternakan kupang terjejas kerana tali yang diikat di palang gelegar dan diturunkan ke dalam air terkesan dengan impak gelombang tersebut.

Katanya, apabila gelombang air yang kuat berlaku, ia boleh mengakibatkan ratusan kupang yang melekat pada tali berkenaan 'gugur' atau jatuh ke dalam air.



NORAIDA

"Apabila perkara ini berlaku, penternak kupang di sini memang akan tanggung kerugian. Kalau boleh kami tak mahu perkara-perkara seperti itu berlaku lagi.

"Kami tahu memang kawasan jeti ini menjadi laluan feri tetapi dalam masa sama perlu juga diberikan perhatian kepada nelayan dan juga penternak kupang. Bukan saya sahaja tetapi ramai lagi mereka yang mengusahakan

penternakan kupang di kawasan ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/7/2025	SINAR HARIAN	NASIONAL	17

Penternak gesa feri perlahankan kelajuan



Dua feri kelihatan dipandu laju ketika melalui Jeti Nelayan Kampung Pasir Putih, Pasir Gudang.

PASIR GUDANG - Penternak dan nelayan menggesa feri yang melalui kawasan jeti itu memperlahankan kelajuan bagi menangani masalah ombak besar tersebut.

Ketua Nelayan Kampung Pasir Putih yang juga Ahli Lembaga Pengarah Persatuan Nelayan Zon Selatan, Hamzah Allagittah, 63, berkata, masalah berkenaan sudah berlarutan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Katanya, biarpun sudah beberapa kali aduan dan cadangan dikemukakan kepada pihak berkaitan, namun sehingga kini ia masih berlanjutan



HAMZAH

hingga boleh dikatakan mengancam kawasan penternakan kupang berkenaan.

"Kita dah bawa perkara ni kepada pihak yang berkaitan seperti ke Terminal Pasir Gudang dan juga Johor Port, tapi masalah ini masih terus berlaku.

"Kita cuma mahukan agar feri atau bot yang melalui kawasan ini lebih prihatin dengan memperlahankan kelajuan masing-masing.

"Jika dahulu saya difahamkan feri atau bot ini hanya dipandu pada kelajuan 5 hingga 9 knot, tetapi sekarang ada yang kelajuannya hingga 10

hingga 15 knot.

"Mungkin mereka kejar trip, tetapi kena ingat juga kawasan yang dilalui merupakan kawasan nelayan dan ada penternakan yang diusahakan," katanya.

Nelayan, Faizul Jumaat Ismail, 47, menegaskan, jika kesemua feri yang melalui kawasan tersebut dipandu dengan kelajuan minimum, ombak besar tidak akan berlaku sekali gus mampu memastikan penternakan kupang terpelihara.

"Selama ini terlalu banyak kos yang kami tanggung akibat kerosakan rumah rakit dan ternakan kupang.

"Diharapkan agar pihak terbabit dapat memberikan kerjasama yang sewajarnya, kami di sini pun cari rezeki juga," ujarnya.